

Ekonomi negara terbukti berkembang

Kuala Lumpur: Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan asas ekonomi negara bagi mengekalkan status penarafan yang diberikan agensi penarafan antarabangsa.

Menyeri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Wahid Omar berkata, penarafan yang diberikan itu adalah hasil usaha dan langkah proaktif diambil kerajaan.

"Tiga agensi penarafan iaitu Moody's, S&P (Standard & Poor's) serta Fitch Ratings dan semuanya memberikan penarafan kredit yang sama iaitu di antara A3 ataupun A+ serta memberi unjuran stabil ke atas Malaysia.

"Sebagai contoh, penarafan yang diberikan kepada Malaysia daripada Fitch Ratings mengambil kira langkah proaktif yang kerajaan lakukan menerusi pengubahsuaian Bajet 2016," katanya selepas melancarkan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Ekuinas, disini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Ekuinas Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda dan Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas Datuk Abdul Rahman Ahmad.

Sebelum ini, Fitch Ratings mengesahkan penarafan Kemungkiran Penerbit (IDR) mata wang tempatan dan asing jangka panjang Malay-

sia masing-masing kekal pada A- dan A dengan unjuran stabil.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, Ekuinas melancarkan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di bawah nama ILTIZAM yang memfokuskan bidang keusahawanan, pendidikan dan komuniti.

"Aktiviti CSR Ekuinas ini memberi tumpuan kepada tiga tunggak utama iaitu keusahawanan, pendidikan dan komuniti, selaras dengan agenda teras Ekuinas yang mahu menjana impak positif kepada perniagaan dan masyarakat.

"Sepanjang tempoh lima tahun lalu, Ekuinas sudah

melabur lebih RM13 juta untuk aktiviti CSR dan memperuntukkan RM18 juta bagi tiga tahun yang akan datang bagi membantu golongan yang layak untuk merealisasikan potensi mereka," katanya

Menurutnya, pada masa sama, program yang bakal dilaksanakan perlu mempunyai fokus dan struktur yang teratur.

"Sebagai contoh, menerusi Program Mentor Keusahawan, ILTIZAM membantu perniagaan mikro dan kecil yang masih belum mencapai tahap syarikat berskala sederhana yang menjadi kriteria kelayakan untuk pelaburan Ekuinas," katanya.